

12/10/2001

Lima MoU ditandatangani

LIMA syarikat tempatan menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) berasingan bernilai lebih RM30 juta dengan syarikat asing dan tempatan di segmen maritim pada Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima '01) yang masuk hari ketiga, semalam.

Syarikat itu ialah Business Focus Intra Sdn Bhd (BFI), iaitu anak syarikat Kumpulan Business Focus, Comintel Bhd, Dawn Enterprise Sdn Bhd, Langkawi Sea Farms Sdn Bhd dan Comlenia Sdn Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani di MoU itu Awana Porto Malai, iaitu lokasi segmen maritim.

Hadir sama, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Pertanian, Datuk Affendi Norwawi dan Pengerusi Eksekutif HW Lima Sdn Bhd, Tan Sri Abdul Wahab Nawī.

(END)